

Terma dan Syarat
Peraduan Bank Islam
“TekaBola”

Tempoh Peraduan

1. Bank Islam Malaysia Berhad (“**Bank Islam**”) menganjurkan **Peraduan TekaBola Bank Islam (“Peraduan”)**. Peraduan ini bermula pada **2 Mac – 4 Mac 2020**.
2. Bank Islam secara kolektif dirujuk sebagai (“**Pihak Penganjur**”).
3. Pihak Penganjur berhak menukar atau meminda tarikh dan Tempoh Peraduan sekiranya perlu.
4. Peraduan ini hanya akan dijalankan melalui laman web rasmi Facebook dan Instagram Bank Islam Malaysia Berhad.

Kelayakan

5. Peraduan ini hanya terbuka kepada Ahli Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau yang sedia ada dan baharu yang merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.

Selepas ini disebut sebagai (“**Ahli Kad**” atau “**Peserta**”).

6. Syarat-syarat untuk menyertai peraduan ini adalah seperti berikut:
 - Peserta harus mempunyai Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau yang aktif (aktif bagi sebarang transaksi).
 - Peserta harus menghantar penyertaan yang terawal, lengkap dan tepat seperti jawapan dan maklumat peribadi (nama penuh, nombor telefon bimbit dan nombor MyKad)
 - Hanya penyertaan terawal, lengkap dan tepat yang dihantar ke emel sports@bankislam.com.my akan diterima. Penyertaan yang dihantar melalui ruang komen serta Inbox Facebook & Instagram Bank Islam Malaysia Berhad tidak akan diterima.
7. Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
 - a) Kakitangan Persatuan Bolasepak Malaysia (Tetap/Kontrak)
 - b) Kakitangan Bank Islam Malaysia Berhad (Tetap/Kontrak)

Mekanisme Peraduan

1	Peserta harus menghantar jawapan tepat beserta nama penuh, nombor telefon bimbit dan nombor MyKad ke e-mel sports@bankislam.com.my
2	Unit Pemasaran Sukan akan memilih 20 penyertaan terawal, lengkap dan tepat dan juga merupakan Ahli Kad yang aktif (aktif bagi sebarang transaksi).
3	Pusat Kad Bank Islam akan mengesahkan sama ada Peserta terpilih adalah Ahli Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau yang aktif atau tidak aktif (aktif bagi sebarang transaksi).
4	Pihak Bank Islam dan Persatuan Bolasepak Malaysia akan mengesahkan sama ada Ahli Kad yang aktif terpilih adalah kakitangan Bank Islam atau kakitangan Persatuan Bolasepak Malaysia.
5	Setelah pengesahan dibuat, Unit Pemasaran Sukan akan memaklumkan para pemenang tempat dan waktu untuk pengambilan hadiah. Para pemenang harus mengambil tiket tersebut pada tarikh & waktu yang akan dimaklumkan.
6	Seterusnya para pemenang digalakkan untuk kongsi foto-foto mereka melalui akaun peribadi Facebook dan/atau Instagram mereka dan tanda pagar nama peraduan yang ditetapkan.

Hadiah & Pemilihan Pemenang

8. Hadiah bagi Peraduan TekaBola ini merupakan **2 keping tiket** perlawanan **Pusingan Ke-2: Kelayakan Piala Dunia 2022 & Piala Asia 2023**, bagi seorang pemenang.
9. Hanya 20 penyertaan terawal, lengkap dan tepat juga merupakan Ahli Kad yang aktif (aktif bagi sebarang transaksi) akan dipilih sebagai pemenang.
10. Pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri perlawanan tersebut.
11. Setiap Ahli Kad hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah sahaja untuk sepanjang Tempoh Peraduan.
12. Hadiah akan diberikan secara serahan tangan oleh kakitangan Pihak Penganjur di **Tingkat 23, Bahagian Jenama dan Komunikasi Pemasaran, 22, Menara Bank Islam, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur pada tarikh dan waktu yang akan dimaklumkan kepada para pemenang**. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi pengambilan hadiah.
13. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/ WhatsApp / SMS / surat / emel / paparan atau siaran melalui laman web korporat Bank Islam, laman rasmi Facebook dan Instagram Bank Islam Malaysia Berhad.
14. Jika tiket yang dimenangi tidak diambil selewat-lewatnya **dua (2) hari sebelum tarikh perlawanan**, Pihak Penganjur berhak memilih Ahli Kad yang lain sebagai pemenang.
15. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi maklumat peribadi seperti nama penuh dan no. kad pengenalan dengan badan-badan sukan yang terlibat termasuk Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) untuk tujuan pegesahan kelayakan. Selain daripada itu, peserta dan pemenang juga harus memberi kebenaran bagi foto dan informasi mereka dipaparkan di dalam media massa, laman web korporat Bank Islam, laman rasmi Facebook dan Instagram Bank Islam Malaysia Berhad.
16. Sebarang terma dan syarat yang tidak dipatuhi oleh pemenang boleh menyebabkan kemenangan terbatal daripada peraduan, dan Ahli Kad yang lain akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat Am

17. Ahli Kad adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Peraduan kami.
18. Untuk mengambil bahagian di dalam Peraduan kami, Ahli Kad mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Peraduan. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam peraduan atau promosi tersebut.
19. Dengan mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, Ahli Kad:
 - a. Akan membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Peraduan ini;
 - b. Akan bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan Peraduan ini (mana-mana yang terpakai); dan
 - c. Akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Peraduan ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.
20. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka (dimana berkenaan).
21. Hadiah-hadiah dalam Peraduan ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos-kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).
22. Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (*as it is*) dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam (dimana berkenaan).
23. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang pihak Bank anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak/Pelanggan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang diadualkan akan dibuat oleh pihak Bank. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank (dimana berkenaan).
24. Semua pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam (dimana berkenaan) melalui telefon sekurang-kurangnya tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan/penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi para pemenang melalui nombor telefon bimbit, nombor telefon pejabat atau nombor telefon rumah sepertimana yang diberikan oleh pemenang. Sekiranya pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk memilih Ahli Kad yang lain sebagai pemenang. Wakil pemenang hendaklah membawa surat dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak pemenang dengan membawa surat yang ditandatangani oleh pemenang.

25. Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian (jika ada). Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut. (jika ada).
26. Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Peraduan ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
27. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Peraduan ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Ahli Kad yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Peraduan atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Peraduan ini.
28. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Bank Islam, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Peraduan ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
29. Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman web Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Peraduan untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat;
30. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Kad Debit-i Bank Islam. Sekiranya ada diantara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Peraduan ini.
31. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.